

Oleh **NURUL JANNAH ROSLAN**
(Universiti Malaysia Sarawak)

Penguasaan Bahasa Melayu dalam Kalangan Mahasiswa



U mum mengetahui bahawa bahasa Melayu merupakan bahasa kebangsaan di negara Malaysia. Bahasa Melayu juga merupakan bahasa yang sudah lama mendapat tempat dan bertapak di Nusantara. Hal ini dikatakan demikian kerana bahasa Melayu di Nusantara dikatakan daripada rumpun yang sama, iaitu rumpun Austronesia. Selain itu, bahasa Melayu telah menerima pelbagai perubahan dalam corak perkembangannya. Contohnya, terdapat bahasa Melayu kuno pada awalnya, kemudian diikuti dengan bahasa Melayu klasik semasa Kerajaan Melayu Melaka mencapai zaman kegemilangannya. Bahasa Melayu pada zaman kegemilangan Melaka menjadi *lingua franca* di alam Nusantara. Bahasa Melayu klasik ini terus berkembang dengan pesat sehingga mencapai tahap bahasa Melayu moden, iaitu bahasa Melayu yang digunakan pada hari ini.

Bahasa Melayu merupakan bahasa yang mempunyai sistem tatabahasa yang tersendiri dan unik. Contohnya, bentuk kata bahasa Melayu dibahagikan kepada beberapa kategori iaitu kata tunggal, kata terbitan, kata majmuk dan kata ganda. Walau bagaimanapun, terdapat sebilangan mahasiswa masih kurang menggunakan bahasa Melayu baku dalam kehidupan harian mereka. Dengan hal yang sedemikian itu, mahasiswa tersebut digambarkan kurang menguasai bahasa Melayu itu sendiri. Hal yang sedemikian ini terbukti melalui pernyataan pensyarah Universiti Kebangsaan Malaysia, Prof. Dato' Dr. Teo Kok Seong bahawa terdapat sejumlah pelatih Program Latihan Khidmat Negara yang gagal menguasai bahasa Melayu walaupun hanya merangkum sejumlah 14 ribu orang, iaitu 0.00005 peratus daripada jumlah keseluruhan penduduk Malaysia yang sebanyak

28.3 juta orang, namun hasil daripada jumlah tersebut sangat membimbangkan beliau (Amirah Syazwani, 2015).

Terdapat beberapa faktor mahasiswa kurang menguasai bahasa Melayu. Salah satu daripadanya ialah kebiasaan mahasiswa dalam pertuturan seharian. Rentetan daripada itu, mahasiswa cenderung menggunakan pelbagai ragam bahasa seperti bahasa pasar, bahasa slanga, dialek tertentu dan bahasa-bahasa ibunda dalam pertuturan harian mereka. Penggunaan perkataan ini akan terus menjadi akar umbi lidah percakapan mahasiswa tanpa mempraktikkan penggunaan bahasa Melayu dalam urusan lain. Contohnya, penggunaan perkataan "korang" sering kali digunakan oleh mahasiswa sebagai kata ganti nama diri ketiga. Mahasiswa sepatutnya menggunakan perkataan "kalian" untuk menggantikan perkataan "korang".

Keadaan ini memaparkan budaya berbahasa Melayu kurang mantap dalam kalangan mahasiswa seperti yang ditonjolkan dalam pertuturan mahasiswa itu sendiri kerana mahasiswa tersebut kurang menggunakan bahasa Melayu dengan tepat dan baik. Oleh sebab kesukaran mengaplikasikan bahasa Melayu baku dalam urusan rasmi, mahasiswa akan mengalami kesukaran berkomunikasi dalam bahasa Melayu standard. Secara tidak langsung, komunikasi antara mahasiswa dengan pihak-pihak tertentu dalam urusan rasmi berjalan kurang lancar akibat mahasiswa tersebut gagal menguasai bahasa Melayu.

Selain itu, unsur percampuran kod juga kerap kali diamalkan oleh golongan mahasiswa dalam pertuturan mereka. Percampuran kod membawa maksud mencampuradukkan dua bahasa atau lebih pada masa yang sama. Fenomena ini berlaku akibat gelombang media massa dan ledakan teknologi, serta aplikasi komunikasi yang canggih seperti "weChat", "whatsApp", "instagram", dan "facebook". Penggunaan aplikasi peranti canggih dan moden mempengaruhi perbendaharaan kata untuk menamakan aplikasi-aplikasi tersebut. Contohnya, perkataan *smartphone* lebih dikenali dan diguna pakai berbanding perkataan "telefon pintar". Terdapat beberapa frasa atau kata yang telah dicampuradukkan seperti perkataan "terdelete", "forwardkan", dan "editkan". Melalui ledakan teknologi dan aplikasi komunikasi ini, mahasiswa cenderung menggunakan singkatan dalam teks pesanan ringkas. Misalnya, aksara /x/ untuk "tidak", "askum" untuk "assalamualaikum", "pasni" untuk "selepas ini", "pastu" untuk

"selepas itu" dan "tetibe" untuk "tiba-tiba". Penggunaan perkataan tersebut dikatakan menjimatkan masa untuk menghantar teks pesanan ringkas. Percampuran kod menyebabkan mahasiswa kurang menguasai bahasa Melayu.

Bukan itu sahaja, bahasa Melayu kurang dikuasai oleh golongan mahasiswa kerana terdapat segelintir mahasiswa mengagung-agungkan bahasa Inggeris. Hal yang sedemikian

Setiap penyakit pasti ada penawarnya, maka terdapat beberapa usaha dan strategi secara bersinergi untuk meningkatkan penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan mahasiswa.

ini disebabkan bahasa Inggeris menonjol pada peringkat antarabangsa. Tambahan lagi, bahasa Inggeris mendapat tempat di seantero dunia dan mencitrakan sebuah negara sebagai berpengaruh dalam bidang politik, ekonomi dan sosial. Di samping itu, bahasa Inggeris digunakan oleh golongan mahasiswa kerana sesetengah mahasiswa berpendapat bahawa bahasa Inggeris boleh meningkatkan status sosial mereka. Sikap mahasiswa yang bangga mengagungkan

bahasa Inggeris tersebut menyebabkan bahasa Melayu itu sendiri terpinggir.

Sikap mahasiswa yang tidak menghayati bahasa Melayu dalam proses pembelajaran bahasa menyebabkan sesetengah mahasiswa dikatakan kurang menguasai bahasa Melayu. Kebanyakan mahasiswa mempelajari sesuatu bahasa untuk mendapatkan keputusan yang baik dalam peperiksaan. Keputusan yang baik ini membolehkan mahasiswa tersebut dapat menapak ke peringkat seterusnya tanpa mengapresiasi bahasa Melayu. Gred yang cemerlang yang diperoleh mahasiswa ini hanyalah di atas slip keputusan tersebut tanpa membuktikan mahasiswa tersebut mahir berbahasa Melayu. Hal ini dikatakan demikian kerana terdapat sesetengah mahasiswa menggunakan kaedah menghafal semasa menjawab peperiksaan. Kesannya, mahasiswa mendapat keputusan yang baik, namun masih gagal menguasai bahasa Melayu.

Setiap penyakit pasti ada penawarnya, maka terdapat beberapa usaha dan strategi secara bersinergi untuk meningkatkan penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan mahasiswa. Salah satu daripada usaha untuk meningkatkan tahap penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan mahasiswa ialah mahasiswa itu sendiri mengubah sikap dan persepsi negatif terhadap bahasa Melayu. Mahasiswa perlu memupuk minat dan keintaan terhadap bahasa Melayu. Minat dan keintaan mendalam akan mendorong mahasiswa tersebut mendalam ilmu sistem tatabahasa, struktur ayat dan cara berkomunikasi dalam bahasa Melayu yang persis. Mahasiswa tersebut akan sentiasa menambah

baik kekurangan yang terdapat dalam diri mereka. Dengan hal yang sedemikian ini, mahasiswa akan mempertahankan kedaulatan bahasa Melayu. di samping meningkatkan tahap penguasaan bahasa tersebut. Implikasinya, mahasiswa dapat berinteraksi dengan pihak-pihak tertentu dalam bahasa Melayu baku.

Selain itu, ibu bapa perlu memainkan peranan penting untuk memberikan galakan kepada mahasiswa dalam aspek pematangan penggunaan bahasa Melayu. Ibu bapa perlu memupuk minat anak-anak terhadap bahasa Melayu semasa mereka masih kecil lagi. Anak-anak diumpamakan kain putih, manakala ibu bapa pula yang mencorakkannya. Keadaan ini menunjukkan bahawa ibu bapa perlu memainkan peranan yang penting dalam pemupukan minat anak-anak terhadap bahasa Melayu.

Ibu bapa perlu menjadi suri teladan kepada anak-anak mereka dengan menuturkan bahasa Melayu yang baik dan betul dalam urusan seharian. Kanak-

kanak pada usia muda mudah menaakul dan menanggapi sesuatu bahasa. Keadaan ini dinyatakan oleh Noam Chomsky bahawa setiap manusia yang dilahirkan sudah ada kecekapan untuk berbahasa dengan dilengkapi oleh peranti pemerolehan bahasa atau lebih dikenali sebagai *Language Acquisition Device* (LAD). Hal yang sedemikian ini bermaksud bahawa manusia sudah ada potensi berbahasa secara semula jadi. Oleh itu, kanak-kanak mudah mempelajari sesuatu dengan cepat kerana adanya sifat semula jadi dan faktor persekitaran yang mempengaruhinya. Jesteru Ibu bapa memainkan peranan yang penting untuk mendorong anak-anak mereka menguasai penggunaan bahasa Melayu yang baku.

Di samping itu, institusi pendidikan seperti sekolah dan universiti perlu memberikan pendedahan awal kepada pelajar dan mahasiswa tentang kepentingan menguasai bahasa Melayu. Proses pengajaran dan pembelajaran perlu dilakukan

dalam bahasa Melayu untuk meningkatkan pemahaman dan penguasaan bahasa Melayu. Pendidik perlu menggunakan bahasa Melayu sebagai medium perantaraan semasa memberikan kuliah dan menyampaikan ilmu. Dalam pada itu, pihak institusi pendidikan boleh mengadakan pelbagai aktiviti kebahasaan. Contohnya, Fakulti Pengajian Bahasa dan Komunikasi di Universiti Malaysia Sarawak telah mengadakan pertandingan mendeklamasikan sajak bersempena dengan Bulan Bahasa Kebangsaan, manakala Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif Universiti Malaysia Sarawak pula mengadakan Minggu Seni Budaya Warisan yang kedua belas yang dirasmikan pada 23 November 2016 yang lalu dengan mengadakan pertandingan drama dan teater. Aktiviti-aktiviti sedemikian perlu diteruskan pada masa akan datang supaya dapat dimantapkan mahasiswa untuk meningkatkan penguasaan bahasa Melayu.

Seterusnya, Dewan Bahasa dan Pustaka perlu membuka ruang

dan peluang kepada mahasiswa dalam bidang penulisan. Melalui peluang tersebut, mahasiswa dapat mengaplikasikan dan meningkatkan kemahiran berbahasa Melayu dari sudut penulisan. Sebagai contoh, ruangan "**Warkah Bahasa dari Kampus**" diadakan untuk membuka peluang kepada mahasiswa untuk menyampaikan pengetahuan mahasiswa tersebut dengan menggunakan bahasa Melayu dalam penulisan. Selain idea dan pengetahuan, mahasiswa perlu digalakkan menulis tentang cerita-cerita rakyat dalam kalangan masyarakat tempatan yang berbentuk lisan dalam bahasa Melayu. Contohnya, cerita rakyat Puteri Santubong dalam dialek Melayu Sarawak, dan cerita rakyat Bujang Senang dalam masyarakat Iban ditulis semula dalam bahasa Melayu baku.

Usaha yang sedemikian ini akan menjamin pemeliharaan dan pemuliharaan warisan seni dan budaya masyarakat tempatan. Pada masa yang sama, peluang yang dibuka ini akan melahirkan pengkarya baharu dalam kalangan warga kampus, sekali gus mencungkil bakat dalam arena kesusasteraan di samping memartabatkan bahasa kebangsaan. Tidak hairanlah bahawa peluang bidang penulisan yang dibuka oleh pihak Dewan Bahasa dan Pustaka ini mampu membantu mahasiswa dalam penguasaan bahasa Melayu.

Pihak media massa juga perlu berusaha mempengaruhi pemikiran khalayak ramai, khususnya golongan mahasiswa dalam aspek penggunaan bahasa Melayu. Retorik yang sesuai perlu digunakan oleh pihak media massa untuk memujuk orang ramai, terutama sekali golongan mahasiswa, dalam usaha memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa

kebangsaan di negara kita. Dalam hal yang sedemikian itu, pihak media massa perlu menjadi suri teladan dalam penggunaan bahasa Melayu dengan tepat dan betul, khususnya dalam aktiviti pengiklanan. Senario kini ialah bahasa dan budaya yang terdapat dalam media massa menjadi ikut-ikutan masyarakat umum. Keadaan ini jelas mempamerkan bahawa media massa mampu memukau para penonton dan audiens. Pihak media massa tidak boleh sewenang-wenangnya

Pihak media massa juga perlu berusaha mempengaruhi pemikiran khalayak ramai, khususnya golongan mahasiswa dalam aspek penggunaan bahasa Melayu.

menggunakan sesuatu perkataan tanpa merujuk maksud sebenar perkataan tersebut. Hal yang sedemikian ini mencakupi aspek ejaan, tatabahasa dan ayat dalam sesuatu pengiklanan. Keadaan ini boleh mengakibatkan kekeliruan dalam kalangan orang ramai, terutamanya golongan mahasiswa. Sebagai contoh kelazimannya, kata pemerai "adalah" dan "ialah" sering disalahgunakan oleh golongan mahasiswa dalam penulisan mereka. Perkataan

"ialah" sepatutnya digunakan untuk menunjukkan persamaan yang hadir di hadapan frasa nama, manakala perkataan "adalah" digunakan dalam huraian, iaitu hadir di hadapan frasa adjektif dan frasa sendi nama (Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Musa dan Abdul Hamid Mahmood, 1993). Oleh hal yang demikian itu, media massa berperanan besar untuk mempengaruhi orang ramai dalam penggunaan bahasa Melayu yang persis.

Kesimpulannya, bahasa Melayu merupakan salah satu bahasa daripada rumpun Austronesia yang dimaktubkan sebagai bahasa kebangsaan di negara ini. Namun, terdapat sesetengah mahasiswa yang kurang menguasai bahasa Melayu dengan baik. Keadaan sedemikian berlaku akibat daripada beberapa faktor seperti kelaziman dalam pertuturan harian, wujudnya unsur percampuran kod, sikap mahasiswa yang mengagung-agungkan bahasa Inggeris dan kurangnya penghayatan dan kecintaan terhadap bahasa Melayu dalam diri mahasiswa. Oleh hal yang demikian, usaha perlu dilaksanakan untuk meningkatkan tahap penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan mahasiswa. Hal yang sedemikian ini memerlukan kerjasama pelbagai pihak agar penyelesaian ke arah memantapkan penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan mahasiswa institusi pengajian tinggi dapat dizahirkan. Sekiranya bahasa Melayu ini terus terpinggir, tidak mustahil bahasa ini akan pupus dan hilang seperti bahasa Hawaii yang sudah terpinggir di negaranya sendiri. Oleh sebab itu, bahasa Melayu perlu diaplikasikan dan digunakan dalam kehidupan harian supaya tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas. DB

